

RUMUSAN USRAH QIYADI 20.3.2015

Usrah membincangkan tiga surah iaitu Surah Quraisy (106), surah Almaa'uun (107) dan surah Alkauthar(107). Antara iktibar dari perbincangan tersebut adalah seperti berikut.

KEUTAMAAN KAUM QURAI SY

Kaum Quraisy mendapat penghormatan dari Allah. Dari kaum ini lah lahirnya Nabi Muhammad SAW. Mereka secara tradisinya menjadi penjaga tempat ibadat dan kaabah. Merela melahirkan pemimpin umah dan mempunyai susur galur yang menjadi satu amanah dalam pimpinan ummah secara berterusan.

DUNIA PERDAGANGAN EKONOMI

Perdagangan menjadi nadi ekonomi kepada penduduk Mekah pada zaman dahulu hingga sekarang. Perdagangan yang berdayamaju adalah yang dapat mengambil kesempatan dan peluang pemasaran dalam sesuatu tempat dan juga pada musim musin tertentu. Adalah wajar umat Islam mengambil iktibar dari ayat dalam surah Quraisy ini untuk melibatkan diri dalam dunia perniagaan yang bersifat fleksible dan mobile.

PENGABDIAH KEPADA ALLAH

Pengabdian diri hendaklah tertumpu kepada Allah, Pencipta dan Pemelihara alam, makhluk dan seluruh manusia. Simbul tauhid adalah kiblat yang satu iaitu kaabah arah bersolat dan pusat berkeliling dalam ibadat tawaf haji. Pengabdian bukan sahaja dalam ibadat khusus, tetapi hendaklah diterjemahkan kedalam semua bidang kehidupan kita di dunia ini.

ALLAH PENJAMIN REZKI DAN KEAMANAN

Allah lah yang menjamin rezki kepada makhlukNya. Lantaran itu manusia hendaklah berusaha mencari kelebihanNya melalui berbagai punca rezki yang diilhamkan kepadanya dan memohon rezki dariNya. Allah jugalah yang memelihara dan menjamin keamanan . Pada hari ini kita menyaksikan kuasa besar dunia menggunakan berbagai cara untk mengekalkan keamanan dunia. Namun mereka tidak berjaya kerana mereka memutuskan pergantungan kepada Allah, sebaliknya dengan sombongnya mengaku sebagai polis dunia. Allah lah sebenarnya yang memegang hati manusia dan berkuasa menyatukan hati hati ini jika dikehendakiNya.

SIDDIQ VS KAZIB

Di kalangan manusia terdapat orang yang beriman dan ada yang musyrik dan kafir. Di kalangan mereka yang mengaku beragama Islam pun terdapat kategori orang yang benar atau siddiq dan orang yang berdusta, kazib samaada fasik maupun munafiq. Allah menjelaskan bahawa mereka yang benar dalam beragama adalah mereka yang menjaga hubungan dengan Allah melalui peribadatan khusus dan menjaga hubungan sesama manusia.

PEMBELA GULUNGAN YANG LEMAH, YATIM DAN MISKIN

Mereka yang benar dalam beragama adalah menjadikan agama sebagai satu pegangan yang hidup dalam masyarakat. Orang yang mampu dan berkebolehan bertanggung jawab untuk membantu gulungan yang lemah, yang kurang berupaya dan yang hilang tempat bergantung nafkah. Ini adalah inti dan sendi pembinaan masyarakat dan ia bukan idea sosialis yang dibawa oleh kumpulan komunis dan sosialis. Anak yatim memerlukan pembelaan, belai kasih dari bapa angkat dan anggota masyarakat, bukan dibiarkan, dicerca jauh lagi dihina.

Begitu juga gulungan miskin. Mereka perlukan asas hidup, makan pakai dan jalan mencari nafkah menurut keupayaan yang ada pada mereka. Mereka yang membela gulungan miskin, menunjuk jalan mencari nafkah yang halal dan membimbing mereka adalah memenuhi satu dari tuntutan sosial dalam agama. Ini bermakna majikan, pencipta dan pemberi peluang ekonomi telah melakukan satu amal soleh yang menjadi amal jariah selagi ia memberi faedah kepada mereka yang bekerja atau berusaha mencari rezki atau pendapatan dari usaha tersebut.

KEPENTINGAN KHUSYU' DALAM SOLAT

Solat adalah rukun Islam. Ia adalah satu acara perhubungan rasmi yang istimewa dengan Allah. Kerana itu ia perlu dilakukan dengan betul dan dengan sungguh sungguh. Ia mestilah dilaksanakan dan menjadi keutamaan dari semua amalan kita dari segi masa dan melakukannya dengan khusyu. Khusyu dalam erti menghadirkan pemikiran dan hati kepada Allah dengan menghayati makna dan bacaan yang dibaca semasa solat. Mereka yang solat haruslah sentiasa sedar bahawa mereka berhadapan dan berdialog langsung dengan Allah, walaupun mereka tidak nampak Allah tetapi mereka mesti sedar bahawa Allah dan malaikatNya sedang menyaksikan acara tersebut.

PENJAGAAN HATI

Dalam semua perlakuan dan amal soleh mestilah dibuat dengan ilmu dan dengan ikhlas kerana Allah. Perbuatan riak adalah dibenci kerana ia menjadikan tujuan amalan itu untuk mendapatkan perhatian dan pujian dari orang. Ini akan meragut atau mencacatkan niat sucinya iaitu untuk mencari redha dan kesukaan Allah semata. Kerana itu mereka yang amalannya untuk riak tidak diterima oleh Allah. Lantaran itu lah kita diminta supaya beristighfar memohon ampun walaupun selepas melakukan satu amal soleh kerana dengan ini mudahan akan menghindar kita dari sifat riak.

KAUTHAR ANUGERAH ISTIMEWA UNTUK NABI MUHAMMAD SAW

Allah menghiburkan kekasihNya iaitu nabi Muhammad SAW dengan memberikan beberapa kelebihan berbanding dengan para nabiNya yang lain. Satu darinya adalah janji Allah untuk memberikan kauthar kepada baginda. Kauthar adalah tempat istimewa diakhirat. Ada yang menyatakan ia adalah sungai yang istimewa di syurga.

KORBAN SELEPAS SOLAT

Kalau solat adalah satu bentuk perhubungan dengan Allah yang tidak memerlukan pengorbanan material yang nyata, maka Allah menghubungkan satu amalan dengan satu bentuk korban yang dapat dilihat iaitu korban binatang pada hari raya korban. Pengorbanan ini bermakna menggunakan harta benda yang dikasihi demi membuktikan ketaatan kepada Allah. Membantu mereka yang lemah, dalam kesusahan memerlukan pengorbanan harta benda, tenaga dan usaha yang berbagai bentuk.

PUTUS HARAP DAN PERTOLONGAN ALLAH

Golongan musyrik Mekah menghina nabi Muhammad SAW dengan berbagai bentuk. Antaranya mengatakan baginda telah terputus keturunan apabila semua anak lelakinya meninggal dunia ketika masih kecil. Allah membela baginda dengan menyatakan golongan yang menghina itu lah yang terputus hubungan dan pertolongan dari Allah di dunia dan akhirat kelak. Bagi seorang muslim, perhubungan dan pengharapan mereka tidak akan terputus dengan Allah. Ini kerana keyakinan mereka hanya Allah yang mampu membantu mereka di dunia dan akhirat kelak. Wallahu a'lam, wassalam

Nota oleh

lsemail1@gmail.com